

Meskipun mendapat tentangan daripada ahli-ahli Parlimen pembangkang

KOSMO 08/08/2018 M15 06

RUU Cukai Jualan 2018 diluluskan

KUALA LUMPUR – Rang Undang-Undang Cukai Jualan

2018 semalam diluluskan di Dewan Rakyat walaupun ia cuba diserahkan kepada satu jawatankuasa pilihan oleh pihak pembangkang.

Perkara itu diusulkan **Datuk Seri Ronald Khande (BN-Beluran)** selepas selesai sesi penggulangan perbahasan.

Namun, ia tidak dipersetujui majoriti ahli Dewan Rakyat sebelum beliau meminta undian belah bahagi dilakukan.

Undian belah bahagi kemudian menyaksikan 111 ahli Dewan Rakyat tidak bersetuju, 51 bersetuju dan empat tidak mengundi.

Terdahulu, ketika menggugung perbahasan Rang Undang-



Sidang Dewan Rakyat



GUAN ENG

Undang (RUU) Cukai Jualan 2018 untuk bacaan kali kedua di Dewan

Rakyat semalam, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, tuntutan pembayaran balik cukai input bagi Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang masih berbaki tidak dapat dilaksanakan kerana wang yang telah dibayar sebagai pen-

dahuluan tidak dimasukkan ke dalam akaun amanah kerajaan semasa pentadbiran kerajaan sebelum ini.

Wang pendahuluan itu sebaliknya dimasukkan ke dalam akaun dana yang disatukan dan dianggap sebagai hasil oleh kerajaan Barisan Nasional.

“Wang itu telah digunakan oleh kerajaan terdahulu terlebih dahulu, itu sebabnya (kenapa

tuntutan cukai input GST tidak dapat dilaksanakan),” katanya semasa menggugung perbahasan RUU Cukai Jualan 2018 di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata, bayaran yang sepatutnya dibayar balik dalam masa dua minggu itu tertangguh hingga dua tahun.

“Ini perompakan serius yang mana wang yang patut ada dalam akaun amanah tidak ada dalam akaun amanah, bagaimana kerajaan sekarang boleh bayar (kepada penuntut cukai input) kalau tak ada dalam akaun amanah?” katanya.

Menjawab celahan **Khairy Jamaluddin Abu Bakar (BN-Rembau)**, Guan Eng berkata, beliau akan membentangkan butiran mengenai perkara berkenaan semasa pembentangan RUU Cukai Barangan dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018.

Ujarnya, berbeza dengan GST yang juga cukai pelbagai pering-



RUU Cukai Jualan 2018 diluluskan untuk bacaan kali kedua di Dewan Rakyat 2018 walaupun mendapat bantahan daripada pihak pembangkang semalam. – Gambar hiasan

kat, Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang diusul bagi menggantikan GST adalah cukai satu peringkat.

“Cukai ini adalah cukai seperingkat, tidak perlunya input tax untuk minta *refund* (kembali wang) dibuat. Ini adalah sebabnya kita perlukan satu sistem percukaian satu pering-

kat yang saya rasa lebih mudah dan jelas, supaya masalah tuntutan tak dibayar balik tak timbul lagi,” katanya sambil menegaskan bahawa penggantian cukai GST kepada SST dibuat bagi meringankan beban rakyat dan akan melihat sebanyak 5,445 barangan dikecualikan cukai berbanding GST, 545 barangan